

Projek Servis Kesihatan PERTIWI

Pada tahun 1985, Che Yah Mohamed, Setiausaha Satu PERTIWI telah mencadangkan agar PERTIWI membantu masyarakat di luar Bandar dengan cara memberi perkhidmatan kesihatan. Dr Mukhyuddin, iaitu sahabatnya ketika itu, telah membuat cadangan itu sebagai suatu usaha amal yang boleh disumbangkan oleh para doktor termasuk beliau sendiri. PERTIWI telah menyambut baik idea dan cadangan ini dan seterusnya sebuah kertas kerja telah disediakan untuk perbincangan.

Pada tahun 1985, projek pertama PERTIWI berkenaan kesihatan telah dijayakan dengan usahasama dengan pengakap Raja Malaysia di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Rahim Tak. Usaha ini telah mendapat sambutan yang baik dan memberangsangkan.

Pada September 1985 "Klinik Sehari" telah dimulakan di Puchong, Selangor. Usaha ini dijalankan sebagai projek usahasama dengan pengakap Raja Malaysia di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Rahim Tak. Bantuan daripada kumpulan Pengakap telah perolehi bg membantu dari segi menempatkan sepanduk, menguruskan kedatangan pesakit, pemeriksaan dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1987 "Klinik Sehari" yang kedua telah diadakan di kampung Kuantan iaitu kampung angkat PERTIWI. Kampung ketiga pula yang mendapat perhatian PERTIWI ialah di Kampung Melayu Sungai Buloh. Pada tahun 1989 dengan kerjasama JKKK dan orang perantaraan. Pada akhir tahun 1991, suatu projek "Klinik Sehari" secara besar-besaran telah diadakan di dua buah negeri iaitu Kedah dan Perlis.

Pada tahun 2007 "Klinik Sehari" dikenali sebagai Kem Kesihatan Keluarga PERTIWI, dan bermula di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Taman Permata, Dengkil, Selangor. Satu Kem Kesihatan diadakan dengan kerjasama Kelab Inner Wheel. Hampir 400 orang peserta hadir pada hari tersebut.

Kem Kesihatan di sekolah kebangsaan Tanjong Sepat, Morib, Selangor pada 12 Jun 2011 dengan kerjasama Inner Wheel Bangsar. PERTIWI juga telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Farmasi dari Jabatan Kesihatan negeri Selangor, Hospital Mata Tun Hussein Onn, Hospital Banting, Klinik Kesihatan Tg Sepat,

Persatuan Kanser dan lain-lain. Pameran kesihatan juga telah diadakan. Rawatan yang dijalankan termasuklah pemeriksaan mata, pap smear, pemeriksaan gigi dan pemeriksaan payu dara. Pada 26 Februari bertempat di Desa KEDA, Baling, Kedah Kem Kesihatan telah diadakan dengan kerjasama Persatuan Bekas Pelajar SM Sultanah Asma, Kedah.

Mulai Mei 2012 hingga kini, pada setiap hari Ahad, Isnin dan Rabu, PERTIWI memberi servis pemeriksaan kesihatan percuma kepada golongan gelandangan dan miskin tegar di sekitar Kuala Lumpur dengan bantuan doktor-doktor sukarelawan yang berdedikasi penuh. Aktiviti ini sekarang dikenali dengan nama Projek Servis Kesihatan PERTIWI.